

04/08/2002

Melayu Singapura suka cari makan bukan sokong ekstremis

Munysi

AGENSI berita antarabangsa, AFP dan Reuters melaporkan dari Singapura, seorang daripada empat murid terbabit dalam kontroversi pemakaian tudung ke sekolah, sudah pun berpindah ke Australia mengikut jejak aktivis Islam, Mohamad Zulfikar Shariff. Ahli politik pembangkang, Chee Soon Juan pula didenda S\$3000 kerana cuba menimbulkan isu itu di Sudut Pidato.

MUNSYI: Menentang dasar ditetapkan kerajaan PAP, khususnya Lee Kuan Yew, memanglah ibarat menongkah arus. Hairannya apa kaitan pemakaian tudung dengan ancaman penganas dan fahaman ekstremisme Islam. Selepas Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan tidak ada kaitan di antara Islam dengan kegiatan penganas, kini pemimpin Pakistan, Parvez Musharraf pula meminta Barat dan pemimpin Singapura tidak mengaitkan Islam dengan perkara itu.

Tetapi reaksi republik sekangkang kera di selatan kita, menggambarkan seolah-olah ialah yang bakal menjadi sasaran selepas kemusnahan WTC di New York, 11 September lalu lantas permintaan penduduk Islamnya harus disekat habis-habisan.

Menurut laporan akhbar Today, Selasa lalu, murid Nurul Nasihah memulakan persekolahan di King Khalid Islamic College, Melbourne sedang keluarganya memohon taraf pemastautin tetap di Australia. Negara down under yang mewah dan maju itu tidak ada sekatan terhadap fahaman agama dan amalan serta budaya penganut Islam walaupun ia menyokong penuh kempen Amerika menentang keganasan.

Bekas pengerusi fateha.com, Zulfikar pula berdepan dengan saman fitnah walaupun pemimpin PAP sudah pun mengecapnya ekstremis tanpa bimbang akan saman balasnya. Zulfikar yang tidak yakin dengan keadilan di Singapura (ini dinyatakan dalam temu bual dengan Australia Broadcasting Corporation) akhirnya berhijrah ke Australia meninggalkan perniagaan kateringnya yang begitu maju. Chee yang cuba memperjuangkan isu tudung itu menghadapi kemungkinan tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam pilihan raya akan datang kerana denda itu.

Pokoknya betulkah di Singapura ada ramai ekstremis sehingga sebuah akhbar kerdil pengampu PAP meminta golongan sederhana bangkit menentang fahaman dan ancaman itu. Apakah dengan menimbulkan isu tudung, penduduk Islam republik itu tergamak dicap ekstremis!

Setahu Munysi, kegiatan paling menguntungkan di Singapura adalah bekerja bersungguh-sungguh mencari dolar dan inilah tumpuan utama Melayu/Islam di sana. Memang terdapat beberapa pemuda Melayu Singapura pernah berjihad dengan mengangkat senjata menentang askar komunis Russia di Afghanistan (mereka didakwa anggota Jemaah Islamiah dan sudah pun ditahan).

Di negara pulau itu orang Melayu hidup mewah sesetengahnya dengan Mercedes Benz dan BMW yang menjalar dan beribadat pun di masjid besar serba moden dan canggih. Oleh itu tidak hairanlah mereka membisu tentang isu agama kerana jika membangkitkan sesuatu mereka begitu mudah dicap sebagai fanatik.